SEBUAH NOVEL GRAFIK

SAYA BEKAS EKSTREMIS!



JALAN CERITA OLEH ZAN AZLEE
ADAPTASI KOMIK OLEH ARIF RAFHAN

HASIL TERBITAN

FAT BIDIN MEDIA,

SOUTH EAST ASIA REGIONAL CENTRE
FOR COUNTER TERRORISM (SEARCCT)

DAN

JABATAN PENJARA MALAYSIA.

PRAKATA

Di awal perancangan projek SAYA BEKAS EKSTREMIS! ini, selain dari platform video, kami juga terbayang beberapa platform media yang boleh meyampaikan mesej dengan berkesan termasuklah platform novel grafik. Dengan minat pembaca komik yang semakin meningkat, kami rasa peluang ini harus diambil kerana komik merupakan salah satu medium yang mempunyai kadar retensi yang tertinggi dalam menyampaikan maklumat.

Dengan kolaborasi ini, kami membawa kisah-kisah di sebalik dinding penjara dan dinding minda bekas ekstremis dalam bentuk yang tiada sempadan. Menggunakan visual yang sesuai, pembaca dapat memahami sebab dan faktor bagaimana manusia boleh terpesong dalam memahami perjuangan dalam agama dan mengambil langkah yang sesuai dalam memperkasakan minda daripada dijajah dengan ideologi yang salah.


Selamat membaca.

Zan Azlee & Arif Rafhan




Umi
(Bukan nama sebenar)
Memiliki penerbitan
berkaitan pengganas




SAYA UMI. SAYA MERANCANG UNTUK MASUK KE SYRIA MELALUI TURKI DAN DITANGKAP DI SANA. KINI SAYA BERADA DI PENJARA.


SAYA MERUPAKAN BAKAL DOKTOR TAPI SAYA MENINGGALKAN BIDANG PENGAJIAN UNTUK MENYERTAI MEREKA.
DEMI UNTUK MATI SYAHID.


KETIKA ITU SAYA NAMPAK I.S. BENAR-BENAR MENUNJUKKAN KEBENARAN DALAM ISLAM.
SAYA BETUL-BETUL TERTARIK...
DAN DI AKHIR ZAMAN INI MATI SYAHID DI BUMI SYRIA MERUPAKAN PILIHAN TEPAT SAYA.
KEBETULAN SAYA MENEMUI 'PAGE' ITU PUN SEPERTI DITENTUKAN ALLAH.
SAYA SEPERTI TIDAK MAHU TERUSKAN HIDUP LAGI...
...DAN MATI SYAHID MERUPAKAN JALAN KELUAR TERBAIK.

KERANA MATI SYAHID ITU UMPAMA TIDAK MATI. ITU JANJI ALLAH.

TETAPI BAGI SAYA, SEMUA YANG SAYA BUAT NI ADALAH ATAS NIAT UNTUK BERHIJRAH.

KALAU BOLEH SAYA NAK BELAJAR AGAMA SEBENARNYA...

SAYA MENGATUR PERJALANAN KE SYRIA MELALUI BEBERAPA TRANSIT. MULA-MULA SAYA TRANSIT DI SALAH SATU NEGARA ASIA TENGGARA...

KEMUDIAN SAYA SAMPAI KE TURKI DAN DUDUK DI SANA SELAMA SEBULAN.

KETIKA NAK MASUK KE SYRIA TU, SAYA DI TAHAN KERANA SAYA TIADA PASPORT.

ITU SAHAJA.

PASPORT MALAYSIA

KERANA ISU IMIGRESEN...

SETIBANYA DI MALAYSIA, SAYA DITANGKAP KERANA SAYA ADA MENULIS SURAT KEPADA KELUARGA...

...DAN TERDAPAT PERKATAAN 'HIJRAH' DAN 'JIHAD'.

DAN PEGUAM SAYA MENCADANGKAN AGAR SAYA MENGAKU BERSALAH DAN DIHUKUM PENJARA 8 TAHUN.

SOKONGAN KELUARGA TERHADAP SAYA
SEMAKIN KUAT SELEPAS SAYA DITANGKAP...

...DAN MEREKA MELAWAT SAYA SETIAP BULAN.





Maznah
(Bukan nama sebenar)
Memiliki penerbitan
berkaitan pengganas


KETIKA SAYA BEKERJA DENGAN SYARIKAT AKHBAR, SAYA CUKUP TERTARIK DENGAN KEPIMPINAN SADDAM HUSSEIN DAN KONFLIK DI TIMUR TENGAH.
The Boston Globe
THURSDAY, MARCH 20, 2003
war begins
es of opportunity'; Bush vows broad campaign
ES FOUR FROM MOYOCK FIRM
or in Iraq
Response quick as CIA reports bead on Hussein
A mostly antiwar clergy faces a new public role
Goal at hand is clear; final chapter uncertain
Boston.com


EDISI 01
Khalifah Syahadatus', Abu Bilal al Himshi
06
Pertempuran Sengit di Fallujah
12
Ksatria Media Abu Bilal Al Himshi
Yang Sumpahnya Diwujudkan Allah
Pada hari terakhirnya di dunia yang fana ini ia terlihat bergembira dan berbahagia.
PERASAAN YANG SAMA KETIKA SAYA MENDAPAT TAHU TENTANG SATU KUMPULAN MUJAHIDEEN YANG MEMPERJUANGKAN SISTEM KHILAFAH DI SYRIA.


PERTAMA KALI SAYA BERMINAT DENGAN PERGOLAKAN DI TIMUR TENGAH INI KETIKA AYAH SAYA MENCERITAKAN TENTANG SADDAM HUSSEIN DI IRAQ PADA ZAMAN 80AN.
KETIKA ITU JUGA SAYA BEKERJA DI SYARIKAT SURAT KABAR. JADI SAYA DAPAT BANYAK MAKLUMAT TENTANG PEPERANGAN TERSEBUT.


SETELAH SYARIKAT SURAT KABAR DITUTUP SAYA BEKERJA DI LUAR INDUSTRI BERITA DAN KEWARTAWANAN TANPA MENGAMBIL TAHU PERKEMBANGAN TENTANG ISU-ISU TIMUR TENGAH...
...SEHINGGALAH...
...SAYA TERBACA TENTANG KEBANGKITAN KERAJAAN KHILAFAH DI SYRIA. SAYA MENJADI KEMBALI BERSEMANGAT.


EDISI 01
Kisah Syahadaa', Abu Bilal al Himshi 06
Pertempuran Sengit di Fallujah 12
Daurah Syar'iyyah Haqiqah 14
Ramadhan, Bulan Jihad dan Futuhat


Edisi 01 | Ramadhan 1437 H
Ksatria Media Abu Bilal Al Himshi
Yang Sumpahnya Diwujudkan Allah
Pada hari terakhirnya di dunia yang fana ini ia terlihat bergembira dan berbahagia.

SAYA BANYAK BUAT KAJIAN SENDIRI, BANYAK MEMBACA DAN ADA JUGA BERHUBUNG DENGAN MUJAHIDEEN MALAYSIA DI SYRIA MELALUI FB UNTUK MENGETAHUI TENTANG KEADAAN DI SANA...



MENURUT MEREKA, KEHIDUPAN KHILAFAH AMAT BERBEZA SEKALI. KEHIDUPAN INI SEPERTI DI ZAMAN RASULULLAH. APA YANG KITA LALUI SELAMA INI BERCANGGAH DENGAN KEHIDUPAN YANG SEPATUTNYA.

SAYA AMAT-AMAT TERUJA MENDENGAR PENERANGAN MUJAHIDEEN TERSEBUT.


YA ALLAH, TAK PERNAH SAYA TERLINTAS UNTUK DAPAT MELIHAT KEBANGKITAN KHILAFAH DALAM HIDUP SAYA...



AKHIR ZAMAN SUDAH JELAS MENDATANG. SAYA PERLU MEMILIH PIHAK YANG BENAR.

AKU CUMA WANITA...

TAPI SAYA SEDAR KEDUDUKAN SAYA; SAYA WANITA BERUMUR DAN TIADA KEKUATAN KEWANGAN. TIDAK MUNGKIN SAYA DAPAT BERHIJRAH KE BUMI SYAM.



TAMBAHAN PULA SUAMI SAYA DISERANG PENYAKIT STROK. KALAU DIIKUTKAN HATI SAYA HANTAR JE ANAK-ANAK LELAKI SAYA KE SANA. TAPI JIHAD SAYA PADA SUAMI.

DI ALAM MAYA, SAYA DIJADIKAN SEBAGAI ADMIN UNTUK SEBUAH KUMPULAN 'ANTI BIDAAH' DAN SAYA BANYAK BERKONGSI ARTIKEL TENTANG BIADAAH DI KUMPULAN TERSEBUT.



SETELAH TERDAPAT PERGESERAN PENDAPAT ANTARA 2 KUMPULAN, ADMIN PAGE MEMBUANG SEMUA AHLI YANG 'MESRA KERAJAAN'. SAYA PUN KELUAR DARIPADA GRUP TERSEBUT.



RAMAI JUGA KENALAN SAYA DARIPADA FB, YANG KEBETULAN JUGA BEKAS BANDUAN RADIKAL TERMASUKLAH SEORANG USTAZ INI YANG MERUPAKAN SEORANG GURU AL-QURAN.

SAYA PUN BERKENALAN DAN BERMINAT NAK BELAJAR DENGAN DIA.

SEORANG LAGI SEORANG WANITA, JUGA BEKAS BANDUAN RADIKAL, DATANG TIDUR RUMAH, DIA ANGGAP SAYA SEBAGAI IBU.

KEMUDIAN, SAYA DITANGKAP OLEH PIHAK POLIS.




SELEPAS PIHAK FORENSIK MENGIMBAS TELEFON SAYA, KELUARLAH SEMUA VIDEO-VIDEO I.S. SEMUA VIDEO HUKUMAN, PROPAGANDA DAN SEBAGAINYA.

SELAMA NI PUN KAWAN-KAWAN YANG SAYA KENALI PUN SENTIASA DIPANTAU.

DI PENJARA SAYA MENGHADIRI SESI KAUNSELING DAN KELAS-KELAS YANG DISEDIAKAN.

SAYA HARAP SAYA MASIH ADA NAFAS LAGI SEMASA DIBEBASKAN.


LEPAS KELUAR NANTI SAYA NAK PERBETULKAN HUBUNGAN DENGAN SUAMI DAN ANAK-ANAK.
SAYA AKUI BAHAWA SEBELUM NI SAYA TAK BERAPA MEMBERI TUMPUAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ISTERI DAN IBU.
SEKARANG NI BAGI SAYA, SYRIA DAH TERTUTUP BAGI SAYA. SAYA TAK MAHU AMBIL TAHU...
...CUMA TIAP-TIAP HARI SAYA BERDOA YANG SAYA NAK PENGAKHIRAN HIDUP SAYA DI MEKAH DAN MADINAH...
...ITU SAHAJA.



Nizam*
Menjalani hukuman penjara selama 8 tahun




Azwan*
Menjalani hukuman penjara selama 12 tahun



Rashid*
Menjalani hukuman penjara selama 5 tahun

* Bukan nama sebenar

TELEFON PINTAR.
TERDAPAT BERIBU-RIBU KEBAIKAN YANG BOLEH KITA PEROLEHI DENGAN ALAT KECIL INI. TETAPI JIKA KITA SALAH GUNAKANNYA, BINASA BADAN. SEPERTI TIGA BANDUAN RADIKAL INI.



SAYA DITANGKAP APABILA MEMASUKI KUMPULAN 'WHATSAPP' DAN 'TELEGRAM' DIMANA GAMBAR-GAMBAR 'AUTO-DOWNLOAD' TERDAPAT DI DALAM PHONE SAYA.

HUKUMAN 5 TAHUN

SAYA ASALNYA 'LIKED' KUMPULAN FB SEPERTI 'SYRIA CARE' DAN IA MEMBAWA SAYA KE KUMPULAN BERKAITAN DAESH. 'LIKE' DAN 'SHARE' BEBERAPA 'POST' LANTAS DITANGKAP.

HUKUMAN 8 TAHUN


SAYA RISAUKAN AYAH SAYA YANG SAKIT DI SYRIA DAN MASUK KUMPULAN 'WHATSAPP' ORANG MALAYSIA DI SYRIA UNTUK MENGETAHUI KEADAAN AYAH SAYA, LALU SAYA DITANGKAP.

HUKUMAN 12 TAHUN

SAYA TAK TAHULAH KALAU ARWAH AYAH SAYA TU ADA KAITAN DENGAN PIHAK DAESH SEBAB KAMI JARANG SEMBANG PASAL TU. TAPI YANG SAYA TAHU DIA SENTIASA ADA DI HOSPITAL, JAGA ORANG SAKIT DAN SEDIAKAN MAKANAN.



DIA MEMANG PERNAH BELAJAR DI PAKISTAN SEBELUM NI. MUNGKIN SEBAB TU DIA CEPAT SIMPATI DENGAN MANGSA PEPERANGAN.




JADI SAYA MASUK KUMPULAN 'WHATSAPP' ITU ATAS KAPASITI NAK PANTAU KEADAAN KESIHATAN AYAH SAYA.

MEMANGLAH MEREKA ADA SEMBANG DALAM GRUP TU TENTANG PERJUANGAN SEMUA.

TAPI SAYA TAK PERNAH SEMBANG SAMA...

...CUMA BAGI TANDA 'GOOD' SAHAJA.

ITU ADALAH BUKTI BAHAWA SAYA MENYOKONG DAN PROMOSI KEGANASAN.



MACAM-MACAM BENDA MEREKA SEMBANG DALAM GRUP NI. SAYA TAK BACA PUN SEMUA TU...

TAPI TU LAH, PHONE SAYA NI DAH SET AUTO-DOWNLOAD GAMBAR DAN VIDEO, JADI SEMUA TU MASUK DALAM PHONE SAYA...

ITU SEMUA JADI BUKTI YANG SAYA NI MEMPROMOSI KEGANASAN.



SAYA ANAK PETANI. TAK TAHU PUN SEBELUM NI TENTANG KEWUJUDAN I.S. APA SEMUA NI. SUATU HARI TU ADA ORANG MINTA DERMA WAKIL DARIPADA 'SYRIA CARE'...

LEPAS 'LIKE' PAGE DIA, ADA KELUAR 'SUGGESTION' SAYA PUN 'LIKE' BEBERAPA KUMPULAN.

DARIPADA SITU SAYA ADA JUGA 'SHARE', ORANG KOMEN, SAYA JAWAB... SEBAB KESIAN. POLIS CAKAP DIORANG DAH PANTAU SAYA SETAHUN DAH.


DARIPADA KOMEN, SHARE SEMUA TU MEMBUATKAN POLIS MENGATAKAN SAYA PROMOSI KEGANASAN.

SAYA NI SEBENARNYA 'GAMER'. MEMANG KUAT MAIN GAME. SAYA TAK TAHU TENTANG I.S. APA SEMUA NI. SEDANGKAN DALAM GRUP PUN DIORANG TAK PERNAH SEBUT PASAL I.S.


LEPAS SEMINGGU DUA KENA TANGKAP TU BARU SAYA TAHU KUMPULAN TU SALAH.



MASA MULA-MULA MASUK SINI MEMANG STRESS. KAMI TAK TAHU APA YANG AKAN TERJADI KEPADA KAMI.



ALHAMDULILLAH LEPAS TU DAPAT JUMPA USTAZ, SESI KAUNSELING, STRESS TU KURANG SIKIT.


NANTI LEPAS KELUAR PENJARA
SAYA INGAT NAK SAMBUNG BELAJAR.
KURANGKAN MAIN GAME, HEHE.
SAYA PUN
NAK SAMBUNG BELAJAR.
NAK TOLONG KELUARGA.


SAYA NAK BERJASA KEPADA KAMPUNG. NAK BUAT PUSAT AKTIVITI ANAK-ANAK MUDA DI SANA.


KAMI SERIKLAH DENGAN SEMUA NI...


KELUAR PENJARA NANTI SAYA NAK CAMPAK TELEFON JAUH-JAUH, HAHAHA!

Di sebalik Dinding
Penjara...

UNTUK BANDUAN SOSMA, TERDAPAT 3 ASPEK ATAU FASA YANG DIJALANKAN; FASA PERTAMA ADALAH DISIPLIN FIZIKAL.

INI MELIBATKAN AKTIVITI KAWAD, DAN LATIHAN DISIPLIN YANG LAIN.

FASA KEDUA ADALAH KELAS AGAMA DIMANA KAMI BEKERJASAMA DENGAN PEJABAT MUFTI NEGERI PERAK.



DAN TERAKHIR KAMI MENEKANKAN ASPEK PSIKOLOGI DI MANA BANDUAN MENJALANKAN SESI KAUNSELING.




BERDASARKAN PEMERHATIAN DAN PENDEKATAN YANG KAMI AMBIL TERHADAP TAHANAN, KAMI MENDAPATI TERDAPAT BEBERAPA CARA UNTUK MENEMBUSI TEMBOK MENTAL MEREKA INI...

...PERLU DIINGAT BAHAWA MEREKA INI SANGAT JUMUD DAN BERKERAS DENGAN IDEOLOGI MEREKA.


HJ KAMARUZAMAN HJ MAMAT, PENGARAH PENJARA TAPAH

JADI SEBAGAI PERMULAAN, KAMI MENGGUNAKAN PENDEKATAN 'TITIK TENGAH' DIMANA KAMI MENCARI PERSAMAAN ANTARA IDEOLOGI...




DAN DARIPADA SITU KITA TUNJUKKAN PERBEZAAN BERDASARKAN DALIL-DALIL DAN LOGIK. HARAPAN SAYA DENGAN MUKJIZAT AL-QURAN DAPAT MELEMBUTKAN HATI MEREKA.

SELEPAS 3-6 BULAN, KAMI DAPAT MELIHAT HASILNYA SEDIKIT DEMI SEDIKIT. YANG MANA ASALNYA BERKERAS, TAK MAHU BAGI SALAM KEPADA SAYA, SEKARANG SUDAH BERUBAH. YANG MANA DULU TAK MAHU MENGANGKAT TANGAN BERSAMA-SAMA BERDOA, KINI SUDAH BERUBAH.



SAYA SENTIASA MENEKANKAN KEPADA SEMUA KAKITANGAN PENJARA SUPAYA MENGGUNAKAN PENDEKATAN DENGAN MENUNJUKKAN CONTOH YANG BAIK; TUNJUK AKHLAK YANG BAIK, MENJAGA HUBUNGAN YANG BAIK DENGAN BANDUAN...



...YANG MANA PENDEKATAN BEGINI LEBIH MUDAH MELEMBUTKAN HATI MEREKA DAN MEMBERI PELUANG BAGI MEREKA MEMBUKA MINDA DAN PERASAAN MEREKA DALAM MENDALAMI ILMU DI SINI.

BERDASARKAN DATA YANG KAMI KUMPUL, KAMI MENDAPATI KEBANYAKAN BANDUAN RADIKAL INI TIDAK BEGITU MAHIR DALAM ILMU AGAMA...

USTAZ UMAR MUKHAIRIZ MOHD NOR, PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM, PENJARA TAPAH

...MEREKA LEBIH KEPADA SEMANGAT BERJUANG SEMATA.

JADI PENDEKATAN KAMI ADALAH MEMBERI AJARAN AGAMA DARIPADA GURU-GURU YANG TERLATIH, IAITU AHLI MAJLIS FATWA ITU SENDIRI; MENERANGKAN BAGAIMANA SESUATU HUKUM TERHASIL DENGAN HARAPAN MEMBERI PENJELASAN BAGAIMANA IDEOLOGI MEREKA TERPESONG DARIPADA LANDASAN ISLAM YANG SEBENAR...

...BUAT MASA SEKARANG KAMI BEKERJASAMA DENGAN PEJABAT MUFTI PERAK BERKAITAN DENGAN TENAGA PENGAJAR DAN ISI KANDUNGAN KELAS DAN PENGAJARAN.

BAGI BANDUAN RADIKAL, ISI KANDUNGAN PENGAJARAN AGAK BERBEZA DENGAN BANDUAN YANG LAIN DIMANA KAMI AJAR MEREKA TOPIK YANG DIRASAKAN 'VOID' ATAU KEKOSONGAN BAGI BANDUAN.

INI TERMASUK MAKNA PERJUANGAN HIDUP, DIMANA ADA BEBERAPA KITAB YANG MEMBINCANGKAN ISU TERSEBUT DENGAN BAIK DAN ALHAMDULILLAH, MEREKA BERMINAT DENGAN KITAB TERSEBUT DAN MAHUKAN KELAS YANG LEBIH KERAP.

BAGI SAYA, PENGETAHUAN AGAMA TIDAK MENJADI UKURAN TERJEBAKNYA SESEORANG KE DALAM PERJUANGAN INI. IANYA LEBIH KEPADA GABUNGAN PENGARUH KAWAN-KAWAN DAN MEDIA SOSIAL DIMANA PROPAGANDA DAN AJAKAN KAWAN-KAWAN MEMBUATKAN MEREKA RASA 'DITERIMA' OLEH KUMPULAN SOSIAL.

JUGA DENGAN SIKAP EGO YANG TINGGI, TIDAK MENERIMA PANDANGAN ORANG LAIN DAN TAKSUB DENGAN SESUATU PANDANGAN JUGA MEMBUATKAN SESEORANG TERJERUMUS KE DALAM IDEOLOGI INI. DALAM ERTI KATA LAIN, KITA PERLU BERSIFAT BERSEDERHANA.

DI DALAM PENJARA, TUGAS KAMI ADALAH UNTUK MEMASTIKAN EMOSI BANDUAN-BANDUAN TENANG DAN TENTERAM...

...LEBIH KEPADA KESEJAHTERAAN EMOSI BANDUAN RADIKAL.

MOHD KHIR SALIMIN, PEGAWAI PSIKOLOGI, PENJARA TAPAH

TERDAPAT 2 JENIS SESI TERAPI IAITU SECARA UMUM DALAM KUMPULAN YANG BESAR, DAN TERAPI EKSKLUSIF IAITU KUMPULAN KECIL DAN PERSEORANGAN.

PENDEKATAN KAMI FOKUS KEPADA 2 ASPEK IAITU PENYESUAIAN KEHIDUPAN DALAM PENJARA DAN EMOSI TERHADAP KELUARGA DI LUAR SANA.


KAMI MENGGUNAKAN BEBERAPA KAEDAH MELUAHKAN PERASAAN DAN EMOSI TERMASUK MELUKIS/DOODLE DAN BERMAIN PERMAINAN YANG DISEDIAKAN.

SEPANJANG KARIER SAYA, MENJAGA BANDUAN RADIKAL ADALAH PENGALAMAN PALING UNIK SEKALI. IA MEMERLUKAN TAHAP KESABARAN YANG TINGGI.

INI ADALAH KERANA MELIBATKAN MENTAL DAN PSIKOLOGI, BERBEZA DENGAN BANDUAN DADAH DAN SEBAGAINYA. INI ADALAH PENGALAMAN YANG CUKUP BERHARGA KEPADA KAMI.



Ahmad
(Bukan nama sebenar)
Bekas Tahanan Radikal





INI KERJA KAMI PADA AWAL PENGLIBATAN SAYA DALAM ORGANISASI IS. BUKAN UNTUK MERUSUH, BUKAN UNTUK BERPERANG DI MALAYSIA... SEKURANG-KURANGNYA BELUM LAGI LAH.


OKAY, SEKARANG. CEPAT!
SEBELUM ORANG NAMPAK!
CEPAT! CEPAT!






WALAUPUN APA YANG KAMI BUAT NI NAMPAK SEKADAR KERJA VANDALISMA, KERJA KEANAK-ANAKKAN, TETAPI IANYA SEPERTI SELANGKAH DEMI SELANGKAH MEMBERANIKAN DIRI KAMI UNTUK BERJUANG SAMA SEPERTI PARA MUJAHIDEEN DI SYRIA.



<BERITA>
"POLIS MENGESAHKAN PENULARAN IDEOLOGI IS ATAU DAESH KE DALAM NEGARA INI DENGAN PENEMUAN BENDERA IS TERPACAK DI BEBERAPA KAWASAN DI SELURUH MALAYSIA."


NAMA SAYA AHMAD (BUKAN NAMA SEBENAR) DAN SAYA MERUPAKAN BEKAS ANGGOTA DAESH ATAU IS (ISLAMIC STATE). SAYA SUDAH MENJALANI HUKUMAN PENJARA DI BAWAH AKTA SOSMA DAN KINI DIBEBASKAN.
SEBELUM SAYA MENCERITAKAN PENGALAMAN SAYA SEPANJANG PENGLIBATAN SAYA DALAM IS NI, ADALAH PENTING UNTUK SAYA INGATKAN; ILMU ITU PENTING.


ADALAH MERBAHAYA APABILA SESEORANG YANG TIADA ILMU AGAMA YANG KUAT MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK BERPERANG DEMI AGAMANYA.



TELEFON SENTIASA DI TANGAN. MEDIA SOSIAL TEMPAT BERDEBAT. PADA MULANYA POLITIK. KEMUDIAN TOPIK MENJADI LEBIH BERAT DAN EKSTRIM.



PROPAGANDANYA AMAT MENARIK!






SAYA JUGA MERUPAKAN ADMIN KUMPULAN FB KAMI. TUGAS SAYA ADALAH UNTUK MEREKRUT AHLI-AHLI. MANA YANG TAK MENGIKUTI DASAR PERJUANGAN KAMI, SAYA AKAN KELUARKAN MEREKA. MANA YANG OKAY DAN MENYOKONG, SAYA KEKALKAN DAN MENGAJAK MEREKA MEREKRUT KAWAN-KAWAN YANG LAIN.





KAMI JUGA ADA MENGUMPUL DANA ATAU INFAQ BAGI PIHAK IS. DUIT-DUIT YANG MASUK INI DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI DI MALAYSIA. KAMI JUGA ADA CUBA MENGUMPUL DANA UNTUK 'SPONSOR' AHLI UNTUK BERJUANG DI SYRIA...


LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR.
SEMOGA BERJAYA.
TERIMA KASIH, EMIR.


PERLEPASAN
DEPARTURE








DI TURKI.
POLICE!!!
DON'T MOVE!
MALANGNYA AHLI KAMI TERTANGKAP DI TURKI SEBELUM BERJAYA MELEPASI SEMPADAN SYRIA.

KALAU NAK DIIKUTKAN, SEBENARNYA KAMI TAKDE MASALAH DENGAN NEGARA MALAYSIA. KAMI TAHU YANG ORANG MUSLIM DI SINI TAK DITINDAS. DAN KAMI FAHAM BAHAWA INI MERUPAKAN NEGARA MAJMUK, DAN DARI SEGI EKONOMI DAN SOSIAL, MEMANG MALAYSIA TAK BOLEH DIJADIKAN NEGARA ISLAM 100%.




SEMAKIN LAMA, AKTIVITI KAMI MENJADI SEMAKIN BERISIKO DAN MELANGGAR UNDANG-UNDANG. TERDAPAT JUGA BEBERAPA BEKAS AHLI KAMI YANG SUDAH MULA MERANCANG...


...TERMASUKLAH UNTUK MENGEBOM RUMAH-RUMAH IBADAT SEPERTI GEREJA DAN KUIL. DEMI UNTUK MEMBUAT KENYATAAN TENTANG KEWUJUDAN KAMI.






BAGAIMANA SAYA TERTANGKAP? HAA... MARI SAYA CERITAKAN.

SATU PERKARA YANG RAMAI LUPA ADALAH APA YANG SESORANG SANGGUP LAKUKAN DEMI KEBAIKAN YANG DISAYANGI...









999

DISEBABKAN TERDAPAT PERBALAHAN DI KALANGAN AHLI KAMI DENGAN KELUARGA MEREKA, PLOT KAMI DAPAT DIKESAN OLEH PIHAK POLIS APABILA AHLI KELUARGA MEREKA MEREPOT RANCANGAN KAMI.

DAN MEREKA INI TERTANGKAP OLEH PIHAK POLIS.



APABILA BERITA PENANGKAPAN MEREKA INI TERSEBAR DI SURAT KABAR, KAMI PUN MEMBERI NOTIS BERJAGA-JAGA DI MANA PIHAK POLIS AKAN DATANG DAN MENCARI KAMI.




SEMINGGU SELEPAS ITU, KETIKA SAYA BEKERJA...
EH, AHMAD! ADA KAWAN KAU CARI KAU LAH. DIA KATA DARI HOTEL SEBELAH. TURUN KEJAP.
KAWAN?


TU DIA...
ANGGOTA POLIS DAH TUNGGU SAYA DI LOBI HOTEL.
ADA LAH DALAM 30 ORANG MACAM TU. SEMUA BERPAKAIAN FORMAL. TAPI SAYA PERASAN, KESEMUANYA MEMAKAI KASUT SUKAN. MUNGKIN MEREKA DAH BERSEDIA SEKIRANYA SAYA CABUT LARI, HEHE...
MASA BERJALAN DENGAN MEREKA, SAYA BERJALAN LAJU SIKIT JE PUN MEREKA TEGUR, "KENAPA LAJU SANGAT JALAN? NAK LARI KE?"





MULA-MULA MASUK PENJARA TU, KAMI MASIH BERDEGIL. IDEOLOGI KAMI MASIH KUAT. SAYA TAK BEKERJASAMA LANGSUNG SELAMA SEBULAN. TAPI PIHAK PENJARA ADA CARA MEREKA SENDIRI.

KINI, KELUARGA MENJADI TUMPUAN UTAMA. SAYA INGIN MELIHAT ANAK-ANAK SAYA MEMBESAR...

...MENEBUS DOSA DENGAN BERBAKTI KEPADA IBU BAPA...

...MENDIDIK KELUARGA AGAR MEREKA TERPELIHARA.

KERANA DIDIKAN AGAMA YANG BETUL DAPAT MELINDUNGI KITA DARIPADA AJARAN YANG SALAH.


NAMUN, KADANG-KADANG SAYA TERGELAK JUGA APABILA TERINGAT KEMBALI KASUT SUKAN YANG DIPAKAI ANGGOTA POLIS YANG DATANG MENAHAN SAYA. MEMANG MEREKA BERSEDIA UNTUK MENGEJAR SAYA KALAU SAYA LARI!





Saiful
(Bukan nama sebenar)
Bekas Tahanan Radikal


SAYA SEDANG DALAM PERJALAN KE SETIAWANGSA MENAIKI LRT. KAWAN SAYA DAH TUNGGU DI STESEN UNTUK MENGAMBIL SAYA DI SITU.




LAMA DAH TUNGGU?
TAKLAH.
POLIS!
JANGAN BERGERAK!
KELUAR DARIPADA KERETA SEKARANG!

LRT SETIAWANGSA. SAKSI TITIK PERMULAAN KETEWASAN 'PERJUANGAN' SAYA.

KELUAR! KELUAR!

RAKAN SAYA SUDAH MENUNGGU DI DALAM KERETA UNTUK MENGAMBIL SAYA.

TETAPI SEBENARNYA YANG MENUNGGU SAYA LEBIH RAMAI DARI ITU.

NAMA SAYA SAIFUL (BUKAN NAMA SEBENAR), SAYA PERNAH BEKERJA DALAM BIDANG PROFESIONAL.

CENDOL SATU, BANG.

ORAIT. MAKAN KE BUNGKUS?

KINI, SAYA MEMPUNYAI PERNIAGAAN CENDOL.

SEJAK KECIL LAGI SAYA MEMPUNYAI SIFAT MENCARI JAWAPAN.

DARIPADA KACA TV, SAYA TERFIKIR KENAPA TIADA SAUDARA ISLAM YANG MEMBANTU ORANG PALESTIN...

...DENGAN SENJATA!

KEMUDIAN JAWAPAN YANG SAYA CARI DATANG DALAM BENTUK PROPAGANDA, DARIPADA IS.

KHILAFAH ADALAH JAWAPANNYA.

DEMOKRASI HARUS DITENTANG.

IS ADALAH JAWAPAN YANG SAYA CARI SELAMA INI.

BERIKUT ADALAH PERTUDUHAN YANG DIBACAKAN PADA SAYA DI MAHKAMAH...

FAIL PERTUDUHAN

1. Berbai'ah dengan Ketua Daesh




2. Infaq kepada organisasi



3. Merancang memasang bendera Daesh seluruh Malaysia

4. Membuat bendera dan memasang



5. Menjadi 'Amir' wilayah pantai timur



APAKAH SEMUA PERTUDUHAN INI BENAR?
YE.

PERTUDUHAN YANG SAYA HADAPI TERMASUKLAH MEMBUAT BENDERA IS, MEMACAK BENDERA...

...DAN MENGUTIP DANA TABUNG IS UNTUK WILAYAH PANTAI TIMUR.

APABILA KITA MENJUMPAI HALA TUJU HIDUP SEJAK KECIL DAN TERMAKAN DENGAN IDEOLOGINYA, HATI KITA AKAN MENJADI KERAS SEPERTI BATU.

KITA TAKKAN BERGANJAK. TAKKAN TERIMA ILMU YANG LAIN. TAKKAN TERIMA NASIHAT ORANG YANG TIDAK MENYOKONG IDE YANG SAMA.

ITULAH SIFAT ORANG TAKSUB DENGAN SESUATU. BERLAKUNYA PEMBASUHAN MINDA YANG MEMBUATKAN KITA TOLAK SEGALA LOGIK DAN SEBAB MUSABAB MUNASABAH KERANA KEYAKINAN KITA TERHADAP IDEOLOGI INI.

TETAPI SEKERAS-KERAS BATU PUN, JIKA DITITIS AIR SETIAP HARI AKAN BERUBAH JUGA RUPANYA. APATAH LAGI HATI MANUSIA.

ABAH?

KELUARGA SAYA TANPA RASA JEMU MELAWAT SETIAP MINGGU BAGI MENGINGAT-KAN BAHAWA SAYA MASIH DISAYANGI DI LUAR DINDING PENJARA.


USTAZ, PENSYARAH DAN ILMUWAN JUGA SENANTIASA MEMBERI SAYA PELUANG UNTUK MELIHAT ILMU ISLAM DALAM BENTUK YANG LEBIH LUAS.

YE, JIHAD BUKAN SEKADAR MENGANGKAT SENJATA...

SEDANGKAN DI ZAMAN NABI PUN TUGAS MEMERANGI MUSUH DIKHUSUSKAN UNTUK ASKAR KETUA NEGARA, BUKAN RAKYAT BIASA.

SETELAH BERPINDAH KE TEMPAT BARU, SAYA BERAZAM UNTUK MEMBUKA HIDUP BARU DENGAN KELUARGA.

SAYA SENTIASA BERSYUKUR DENGAN KURNIAAN REZEKI YANG ALLAH BERIKAN KEPADA KELUARGA SAYA.




APA KATA KELUARGA
AHMAD TENTANG PENGLIBATANNYA
DALAM ORGANISASI INI?


MASA DIA DI TAHAN TU, MAKCIK TANYA LAH PEGAWAI POLIS TU, KENAPA NAK TANGKAP ANAK MAKCIK? DIA JAWAB ANAK SAYA TERLIBAT DENGAN KUMPULAN... APA TU?
I.S.?
I.S. YE?
IBU AHMAD



SELEPAS DIA DI BAWA KE KUALA LUMPUR, SAYA PUN ADA TELEFON PEGAWAI POLIS TU. TANYA KEADAAN ANAK SAYA...
DIA JAWAB ANAK SAYA NI KERAS KEPALA TAK MAHU BEKERJASAMA. LAGI PUN DIA NI KETUA. SAYA PESAN KALAU DAH BUAT SALAH, MENGAKU JE, JANGAN MELAWAN.


INI ADALAH UJIAN ALLAH. SETIAP MANUSIA AKAN DIUJI OLEH ALLAH. KITA KENA TABAH.
AYAH AHMAD


MAKCIK ADA TANYA DIA PASAL JIHAD NI. DIA JAWAB TAKDE APA MAK, JIHAD NI TOLONG ORANG YANG SUSAH JE.
MAKCIK ADA PESAN... KAMU TU ADA ANAK KECIL, ISTERI, PERLU JAGA MEREKA. JANGAN ASYIK MAIN TELEFON SAJA.
MAKCIK SELALU NAMPAK DIA SENYUM-SENYUM MAIN TELEFON, TAK KELUAR BILIK.


DIA ADALAH SUAMI YANG BAIK, BERTANGGUNGJAWAB. BAIK JE...
ISTERI AHMAD
PAKCIK ADA TEGUR JUGAK, TELEFON TAK BOLEH LEPAS. TAPI DIA BUAT TAK RETI JE.
KALAU BERSEMBANG DIA CUMA CERITA TENTANG MASALAH KERJA, KAWAN-KAWAN DIA...
...DIA TAK PERNAH CERITA TENTANG JIHAD PADA PAKCIK SEBELUM DIA KENA TANGKAP.
MASA DIA TENGAH TERLIBAT, DIA MEMANG LIAT. MAKCIK TEGUR PUN DIA TAK LAYAN. MALAM-MALAM KELUAR. BILA MAKCIK TEGUR DIA KATA, ALAH... PERGI 'NGETEH' JE DENGAN KAWAN-KAWAN.
RUPANYA JUMPA DENGAN KUMPULAN DIA...
SEKARANG NI SAYA PANTAU ABANG. MANA DIA PERGI, PANTAU TELEFON DIA...
...INSHAALLAH, DIHARAPKAN DIA TAKKAN TERJEBAK KEMBALI.
KERANA NAMPAK PERUBAHAN SELEPAS KELUAR PENJARA.


SEJAK DIA KELUAR PENJARA, DIA MENJADI SUAMI YANG LEBIH BAIK DARIPADA SEBELUM INI. BANTU SAYA BUAT KUIH, SEMAKIN RAJIN.
KALAU KELUAR PUN BERITAHU BAPA. DIA KATA DIA SUDAH INSAF...



SEBUAH NOVEL GRAFIK

SAYA BEKAS EKSTREMIS!

JALAN CERITA OLEH ZAN AZLEE
ADAPTASI KOMIK OLEH ARIF RAFHAN



Setiap kali kita terbaca berita tentang penglibatan warga Malaysia dalam kumpulan Daesh atau IS, persoalan yang ramai utarakan adalah, "Apa yang mereka fikirkan sehingga sanggup melakukan keganasan seperti ini?".

SAYA BEKAS EKSTREMIS! cuba mengupas persoalan ini dengan menemuduga banduan dan bekas banduan SOSMA yang terlibat secara langsung dengan organisasi ini. Penerbitan ini mempunyai dua platform; video dan novel grafik.

SEARCCT
PENJARA MALAYSIA
FAT BIDIN MEDIA